

# PEKELILING NAIB CANSOLOR

## Bilangan 15 Tahun 2021

### PEKELILING KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS BAGI SESI I 2021/2022

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memberi pemakluman awal mengenai kemasukan pelajar ke kampus bagi Sesi I 2021/2022 (Oktober 2021 – Februari 2022) kepada semua pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM).

#### 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pekeliling ini dikeluarkan lanjutan daripada pengumuman YB Menteri Pengajian Tinggi pada 14 September 2021 mengenai kemasukan pelajar ke kampus IPT pada Sesi I 2021/2022 bermula pada 15 Oktober 2021.

2.2 Bagi memastikan pelaksanaan sesi kuliah berjalan dengan baik dan lancar, UiTM akan melaksanakan Pelan Tindakan ODL 4.0 yang telah diluluskan di Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 27/2021 pada 18 Ogos 2021 dan Mesyuarat Senat ke 274 pada 8 September 2021.

#### 3.0 KEMASUKAN PELAJAR KEMBALI KE KAMPUS

3.1 Bagi sesi I 2021 / 2022, pengajaran dan pembelajaran (PdP) pelajar akan bermula pada 11 Oktober 2021 secara *Open and Distance Learning* (ODL) dan hibrid. Sesi kuliah juga akan dilaksanakan seperti yang telah ditetapkan di dalam Kalendar Akademik seperti berikut;

## Kalendar Akademik Sesi I 2021 / 2022

Tarikh	Aktiviti Perkuliahan Hibrid	Tempoh	Pindaan Tarikh	Pindaan Tempoh
Kuliah 1	11 Okt-21 Nov 2021 *10 Okt-20 Nov 2021	6 Minggu		
Cuti Pertengahan Semester	22-28 Nov 2021 *21-27 Nov 2021	1 Minggu		
Kuliah 2	29 Nov-24 Dis 2021 *28 Nov-23 Dis 2021	4 Minggu		
Cuti Khas Perayaan	25 Dis 2021-02 Jan 2022 *24 Dis 2021-01 Jan 2022	1 Minggu		
Kuliah 3	03-30 Jan 2022 02-29 Jan 2022	4 Minggu		
English Exit Test (Speaking & Writing)	25 Okt 2021-30 Jan 2022 *24 Okt 2021-29 Jan 2022	14 Minggu		
Cuti Ulang Kaji	31 Jan-02 Feb 2022 *30 Jan-02 Feb 2022	3-4 Hari	31 Jan-06 Feb 2022 *30 Jan-06 Feb 2022	1 Minggu
Penilaian / Peperiksaan Akhir	03-23 Feb 2022	21 Hari	07-23 Feb 2022	17 Hari

**Nota:** \* Bagi negeri Kedah, Kelantan, Johor dan Terengganu

- 3.2 Cuti rehat selama tiga (3) minggu akan disediakan iaitu cuti pertengahan semester, cuti perayaan dan cuti ulangkaji agar pelajar dan pensyarah mempunyai ruang dan peluang yang secukupnya untuk membuat perancangan pengajaran dan pembelajaran seterusnya sepanjang semester hadapan.
- 3.3 Hanya pelajar yang telah lengkap vaksinasi dibenarkan kembali ke kampus bermula 15 Oktober 2021 secara berfasa. Pelajar yang masih belum menerima vaksin, boleh mendapatkan vaksin secara *walk in* di Pusat Pemberian Vaksin(PPV) yang terdekat dengan kadar segera.
- 3.4 Pelan Tindakan ODL 4.0 telah menetapkan sepuluh (10) kategori pelajar kembali ke kampus yang diutamakan dahulu akan ditentukan oleh pihak kolej pengajian/ fakulti/ pusat akademik/ kampus masing-masing secara berfasa. Kategori pelajar yang diutamakan ialah;

- a) Pelajar daripada program pengajian peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Siswazah yang memerlukan praktikal, makmal, klinikal, latih amal, studio, bengkel dan peralatan serta perisian khusus;
- b) Pelajar daripada program yang memerlukan pentaksiran bersemuka seperti program seni;
- c) Pelajar yang tidak mempunyai akses internet dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan PdP secara dalam talian;
- d) Pelajar Asasi yang sedia ada di kampus boleh meneruskan pembelajaran secara hibrid;
- e) Pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu;
- f) Pelajar Berkeperluan Khas (OKU);
- g) Pelajar yang menduduki peperiksaan Malaysian University English Test (MUET), antarabangsa dan badan profesional;
- h) Pelajar yang perlu melengkapkan kursus tidak lengkap (TL);
- i) Pelajar yang menjalani latihan Industri di kampus;
- j) Pelajar lama (semester dua (2) ke atas) yang tidak pernah menjejaki kampus setelah berdaftar sebagai pelajar UiTM.

3.5 Pelajar boleh membuat permohonan kepada Penolong Naib Canselor/ Dekan/Rektor di kolej pengajian/ fakulti/ pusat akademik/ kampus masing-masing jika ada keperluan untuk kembali ke kampus di <https://sites.google.com/uitm.edu.my/covid19uitmhea/hotline>.

3.6 Pelajar boleh memilih untuk meneruskan pengajaran dan pembelajaran secara ODL di rumah/kawasan masing-masing jika kursus yang didaftar dijalankan secara dalam talian, namun pelajar perlu kembali ke kampus sekiranya terdapat keperluan kursus untuk dilaksanakan secara bersemuka.

3.7 Bagi memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dipatuhi, beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh warga UiTM seperti berikut;

- a) Semua pelajar perlu melaksanakan SaringC19 secara harian.
- b) Semua pelajar yang dikenal pasti akan berada dalam kampus dan diberi kemudahan kolej kediaman kecuali pascasiswazah penyelidikan.
- c) Pelajar disaran untuk menetap di kolej kediaman.
- d) Pelajar yang lengkap vaksinasi dan duduk di luar kolej kediaman atau di rumah sewa akan dibenarkan keluar masuk kampus.

- e) Universiti akan memastikan persekitaran kampus berada dalam *safe travel bubble* di mana:
    - i. Pelajar yang telah lengkap vaksinasi sahaja yang boleh pulang ke kampus; dan
    - ii. Pelajar tidak keluar masuk kampus kecuali pada hari-hari yang ditetapkan.
- 3.8 Surat untuk pelajar kembali ke kampus dan kelulusan rentas daerah akan disediakan melalui sistem SaringC19.
- 3.9 Semua pelajar yang dibenarkan kembali ke kampus untuk sesi pembelajaran, perlu membuat AkujANJI agar sentiasa menurut SOP dan berada dalam *safe travel bubble*. Jika pelajar disabitkan kesalahan boleh dijatuhkan tindakan di bawah Kaedah-Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1976.

#### 4.0 TARIKH DIKELUARKAN


Pekeliling dikeluarkan pada 19 September 2021.

#### 5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 15 September 2021.

#### 6.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini terpakai kepada semua pelajar UiTM serta untuk **edaran dalaman sahaja**.



**PROFESOR Ts. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**  
Naib Canselor

Dikelilingkan kepada:

Ahli Majlis Eksekutif Universiti  
Penolong Naib Canselor  
Semua Rektor UiTM Cawangan  
Semua Dekan Fakulti  
Pengarah Pembangunan Pelajar  
Pengarah Pembangunan Akademik  
Pengarah Pusat Kesihatan  
Semua Pengetua Kolej Kediaman  
Semua Pengurus Asrama Kolej Kediaman  
Ketua Polis Bantuan UiTM  
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar  
Yang Dipertua Jawatankuasa Perwakilan Kolej  
Semua Warga UiTM

*Bil Fail : 100-UiTM (NC 6/2)*  
*No. Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 15/2021*